

# PM rasmi projek bandar Nusajaya hari ini

UM- 23/2/2007

JOHOR BAHRU 22 Feb. - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan merasmikan projek hartanah bersepadu yang terbesar di rantau ini, Nusajaya dekat sini, esok.

Projek bandar Nusajaya seluas 9,600 hektar merupakan kawasan pembangunan bersepadu yang terletak dalam Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI).

Projek yang dibangunkan oleh UEM Land Sdn. Bhd. (UEM Land) itu meliputi kelompok logistik dan industri, kawasan kediaman, resort bersepadu pesisir pantai

Puteri Harbour, hab perubatan, 'EduCity' atau bandar raya ilmu dan Pusat Pentadbiran Baru Negeri Johor (JSNAC).

Pengarah urusan UEM Land, Wan Abdullah Wan Ibrahim berkata, pembangunan Nusajaya adalah sebagai pelengkap kepada Singapura dan bukannya untuk menjadi pesaing kepada republik berkenaan.

"Majlis pelancaran yang akan disempurnakan oleh Perdana Menteri esok akan menjadi pemangkin kepada usaha mempromosikan Nusajaya di rantau ini.

"Kedudukannya yang hampir dengan li-

ma pelabuhan iaitu Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pasir Gudang, Pihak Berkuasa Pelabuhan Singapura, Pelabuhan Jurong (Singapura) dan pelabuhan petrokimia Tanjung Langsat memberikan Nusajaya kelebihan untuk menjadi bandar raya serantau.

"Selain itu, kemudahan dua lapangan terbang iaitu Lapangan Terbang Sultan Ismail di Senai yang semakin berkembang dari masa ke masa dan Pelabuhan Antarabangsa Changi, Singapura juga menjadi faktor untuk menarik pelabur dan syarikat asing ke Nusajaya.

Wan Abdullah berkata demikian pada sesi taklimat kepada media sempena pelancaran Nusajaya oleh Perdana Menteri esok di Hotel Hyatt di sini hari ini.

Jelasnya, resort bersepadu Puteri Harbour mempunyai kelainan dan keunikan tersendiri berbanding resort bersepadu di Singapura terutamanya Pulau Sentosa.

"Puteri Harbour akan dilengkapi kediaman terusan dan kediaman yang dibina di pinggir hutan paya bakau. Resort berkenaan juga akan dilengkapi dengan Pusat Kastam Imigresen dan Kuarantinnya sendiri bagi

membolehkan pengunjung tiba ke Nusajaya dengan kapal atau bot sendiri," katanya.

Sementara bandar raya ilmu atau EduCity pula, tambah Wan Abdullah, akan menempatkan sekolah antarabangsa dan salah sebuah dari 20 institusi pengajian tinggi yang terkemuka di Amerika Syarikat iaitu Carnegie-Mellon.

Selain Carnegie-Mellon beberapa universiti terkemuka di India, Eropah, Australia dan Jepun juga sedang berbincang untuk mewujudkan kampus fakulti tertentu di Nusajaya.